

20 SEP 2002

BELANJAWAN: PERUNTUKAN KESELAMATAN PAMER K'JAAN KOMITED JAMIN KESTABILAN

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Peruntukan RM3.06 bilion atau 8.3 peratus bagi pembangunan projek untuk sektor keselamatan dalam Belanjawan 2003 mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan keselamatan dan kestabilan negara daripada ancaman dalaman dan luaran.

Menurut Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategi Malaysia (MSRC) Abdul Razak Baginda, peruntukan itu turut mengambil kira ancaman keganasan global akibat serangan 11 Sept pada tahun lepas ke atas Amerika Syarikat.

"Ini adalah selaras dengan perkembangan serantau dan global di mana keselamatan adalah elemen penting sekarang. Dan ini bermakna kerajaan terus komited dan konsisten," katanya kepada Bernama semasa diminta mengulas peruntukan yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat hari ini.

Sektor keselamatan menggabungkan pasukan polis dan angkatan tentera.

Abdul Razak berkata peruntukan itu bermakna Angkatan Tentera akan dapat meneruskan pelan pemerolehannya tahun depan yang menjadi sebahagian daripada pemodenannya sekarang.

-- BERNAMA

RV ZS RHM